

ISU DAN CABARAN KEUSAHAWANAN

Era global pada hari ini tidak menjanjikan peluang kerjaya kepada semua graduan. Ini kerana persaingan yang semakin sengit dalam pasaran kerjaya apabila ramai graduan dilahirkan sama ada melalui institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Keperluan majikan yang memerlukan bakal pekerja memiliki daya kompetitif yang tinggi juga kerap kali menjadi penghalang kepada para graduan untuk diterima bekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan. Justeru, graduan perlu sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan kemahiran insaniah di dalam diri masing-masing. Selain berusaha menjadikan diri sebagai calon pekerja yang dicari oleh para majikan, persediaan dilihat lebih penting untuk seseorang graduan menceburi bidang keusahawanan yang ternyata lebih mencabar berbanding sektor makan gaji. Bidang ini tidak lagi boleh dijadikan alternatif kepada pemilihan kerjaya oleh graduan pada hari ini. Ia mesti dijadikan suatu bidang yang mesti diceburi secara serius.

Persediaan seseorang usahawan untuk menempuhi isu-isu dan cabaran pada masa kini perlu dititik beratkan. Lebih-lebih lagi, usahawan perlu mempunyai daya kompetitif untuk bersaing dengan lebih ramai usahawan dalam sesuatu bidang yang sama. Persediaan ini seharusnya bermula awal bagi memastikan kualiti diri sebagai seorang usahawan. Walaupun ada mitos yang menyatakan bahawa usahawan adalah seorang yang dilahirkan, bukan dilatih, tetapi mitos tersebut sudah

tidak relevan lagi dalam dunia global pada hari ini. Pada hari ini, sesiapa sahaja boleh menjadi usahawan. Apa yang penting adalah minat yang mendalam, kesungguhan dan keinginan diri yang tinggi. Perkara-perkara dalam keusahawanan seperti rancangan perniagaan, pengurusan perniagaan, kewangan, pengurusan projek dan sebagainya adalah sesuatu yang boleh dan tidak mustahil untuk dipelajari.

Untuk menghadapi dunia keusahawanan pada hari ini, banyak cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi terutamanya oleh graduan-graduan baru yang ingin menceburkan diri dalam keusahawanan. Cabaran bukan sahaja kepada keputusan awal untuk menjadi usahawan tetapi halangan-halangan yang wujud sepanjang perjalanan sebelum bergelar seorang usahawan yang berjaya. Bab ini akan membincangkan beberapa isu dan cabaran yang wujud dalam keusahawanan dalam abad yang ke-21 ini.

HARTA INTELEK

Menurut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5, Tahun 1999 mengenai Garis Panduan Bagi Pengurusan Harta Intelek Yang Dimiliki Oleh Kerajaan Dan Agihan Saguhati Hasil Penyelidikan Yang Dikomersialkan Kepada Pegawai-Pegawai Awam, harta intelek didefinisikan sebagai harta dalam hasil kreativiti manusia yang merangkumi pelbagai perkara seperti paten, hak cipta, cap dagangan, reka bentuk dan perkara-perkara serta hak-hak lain yang berkaitan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Seseorang usahawan pada hari ini perlu sedar terhadap kepentingan memahami apa itu harta intelek, bagaimana cara untuk melindungi harta intelek dan kepentingan melindungi